

03/03/2003

Tempoh pegang jawatan PM tidak dilanjut: Dr Mahathir

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata bahawa tempohnya memegang jawatan Perdana Menteri yang tinggal tujuh bulan lagi tidak akan dilanjutkan.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, beliau akan tetap bergiat cergas dalam parti bagi membantunya untuk terus mendapat sokongan tetapi cuma sebagai ahli biasa.

Malah Presiden Umno itu mengulangi, beliau tidak akan memegang sebarang jawatan seperti mana dilakukan Lee Kuan Yew yang menyandang jawatan Menteri Kanan selepas bersara sebagai Perdana Menteri Singapura.

"Tidak (melanjutkan), Oktober nanti saya akan keluar," katanya dalam temu ramah yang disiarkan Reader's Digest, majalah bulanan keluaran terbaru bagi bulan Mac 2003.

Dalam temu ramah itu, Dr Mahathir turut mengimbau kembali peristiwa pengumumannya untuk meletak jawatan pada perhimpunan agung Umno Jun tahun lalu.

Katanya, beliau berhasrat mengundur diri selepas Sukan Komanwel pada 1998 tetapi malangnya tercetus masalah ekonomi dan timbalannya ketika itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim selaku Menteri Kewangan tidak berupaya menangani masalah berkenaan.

"Saya terpaksa melepaskannya. Dengan itu, saya tidak mempunyai pengganti. Adalah menjadi tanggungjawab saya untuk memulihkan ekonomi negara, kestabilan politik dan juga kedudukan parti saya. Menjelang 2002, saya dapat menyempurnakannya dan saya berpendapat sudah tiba masa untuk berundur," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau mengumumkan hasrat untuk meletak jawatan pada perhimpunan agung Umno yang lalu kerana di situlah tempat paling baik untuk berbuat demikian iaitu di hadapan semua pemimpin parti.

Apabila ditanya dalam temu ramah itu, apakah beliau terkejut dengan reaksi yang begitu hebat sebaik mengumumkan peletakan jawatan, Perdana Menteri berkata:

"Saya ingat saya boleh menghabiskan ucapan, tetapi reaksi adalah terlalu kuat. Saya menjangka akan ada reaksi tetapi bukan ke tahap sehingga menarik saya ke tepi dan meminta saya untuk terus memimpin," katanya.

Mengenai pencapaian terbesarnya sepanjang menjadi Perdana Menteri, beliau berkata pencapaian itu adalah keamanan bagi negara ini, tiada rusuhan dan rakyat hidup serta bekerjasama dalam sebuah negara yang dihuni pelbagai kaum.

"Apabila saya dinamakan sebagai timbalan perdana menteri (pada 1976), timbul banyak kebimbangan bahawa saya akan berat sebelah kepada orang

Melayu daripada orang Cina, tetapi kini pada babak terakhir kerjaya saya, saya dapati orang Cina dan India menerima saya," katanya.

Katanya, banyak lagi yang perlu dilakukan terutama bagi menseimbangkan kemajuan di antara kaum walaupun ada sedikit kejayaan melalui dasar ekonomi baru.

Beliau berkata, banyak orang Melayu berfikir mereka boleh bergantung kepada kerajaan untuk menyediakan peluang kerja dan pendidikan bagi membantu mereka dalam perniagaan.

"Mereka menjadi terlalu bergantung kepada kerajaan disebabkan dasar ini.

Sebaliknya, tanpa dasar ini, mereka mungkin habis terus," katanya.

Mengenai pembangkang, Dr Mahathir berkata sesetengah pihak tidak menghargai bahawa kerajaan memberi layanan baik kepada mereka dalam sebuah

negara yang baru mengamalkan demokrasi kerana di bawah pemerintahan British, demokrasi tidak wujud langsung.

Katanya, pembangkang di Malaysia boleh bertanding dalam pilihan raya, malah untuk menang dan pada satu ketika mereka menguasai empat negeri.

Beliau berkata, jika kerajaan berlaku tidak adil kepada pembangkang, tidak ada jalan mereka boleh menang beberapa kerusi dalam Parlimen kerana

di sesetengah negara, jika pembangkang menang, tidak dibenar duduk dalam Parlimen.

Dr Mahathir percaya pembangkang tidak akan dapat memerintah negara ini selagi mereka bersandarkan kepada satu-satu kaum saja dan tidak menghiraukan amalan demokrasi.

Katanya, sesuatu kumpulan kaum tidak boleh memerintah negara ini kerana

ini sebuah negara majmuk dengan masyarakatnya yang pelbagai.